



JABATAN HAL EHWAH AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَيْلَانِيَّةُ الْعَالَمِ الْكَافِرِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 JAMADILAKHIR 1444H / 13 JANUARI 2023M

KEBERKATAN DALAM PERKAHWINAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan memindah isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 11.01.2023

PEGAWAI PENYEMAK : M.....

MOHD ZARATKHAN BIN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 11/01/2023

DIBACA PADA : 13/01/2023

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Penolong Pegawai

Bahagian Penyelidikan & Informati

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
KEBERKATAN DALAM PERKAHWINAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ (سورة آل عمران (03): 102)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا يَعْدُونَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِي قَابِلَهَا مِنْ عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالَّذِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أُوصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوِّيُ اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah Subhanahuwataala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam."

(QS ali-Imran (3):102)

KAUM MUSLIMIN YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

Dalam kesempatan pada kali ini, mimbar Jumaat akan membicarakan khutbah bertajuk “KEBERKATAN DALAM PERKAHWINAN”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perkahwinan adalah jalan kebahagiaan yang disyariatkan oleh Allah Subhanahuwataala kepada umat manusia agar sentiasa hidup dalam ketenangan. Perkahwinan bukan sahaja dikira sebagai ibadah, bahkah ia juga dapat memenuhi fitrah manusia untuk hidup secara berpasangan. Malah, dengan syariat pernikahan ini Allah Subhanahuwataala mengangkat martabat manusia, berbeza daripada makhluk-makhluk-Nya yang lain. Perkahwinan yang dibina oleh dua insan yang berbeza dari segi fizikal, mental dan latar belakang kehidupan, akan menjadikan mereka pasangan yang serasi, penuh kasih sayang dan lebih penting memperoleh ketenangan dalam kehidupan. Ketenangan itu pula nanti akan menambahkan lagi keimanan, kerana dengan syariat perkahwinan ini, akhirnya mendidik kita menjadi makhluk yang sentiasa berfikir betapa besar dan agungnya Allah yang Maha Esa. Inilah yang telah disebut oleh Allah Subhanahuwataala dalam surah al-Rum ayat 21:

وَمِنْ عَائِتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untuk kamu dari jenis kamu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan antara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir.” **(QS al-Rum (30):21)**

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Perkahwinan yang barakah atau yang diredhai Allah Subhanahuwataala akan memberi ketenangan jiwa, cinta-mencintai dan belas kasihan sesama pasangan masing-masing. Namun begitu, yang mendukacitakan kita ialah syariat perkahwinan ini seolah-olah tidak dihayati oleh masyarakat Islam pada masa kini. Apa yang terpapar dalam media ialah perkahwinan atau rumahtangga yang dibina telah dijadikan medan persengketaan antara suami dan isteri. Ini termasuklah kes-kes yang melibatkan konflik rumahtangga seperti *nusyuz* (derhaka), *syiqaq* (pertengkar) dan *dharar* (penganiayaan). Lebih dahsyat lagi apabila konflik tersebut berakhir dengan pembunuhan yang memberi gambaran buruk dan tragis bagi sebuah perkahwinan.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Antara sebab berlakunya masalah rumah tangga ini ialah berpunca daripada kesilapan dalam memilih pasangan. Ini kerana pemilihan pasangan dibuat tidak berdasarkan sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim **yang bermaksud:**

"Dikahwini seorang perempuan itu kerana empat perkara: kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah daripada kalangan mereka yang beragama, nescaya kamu akan selamat".

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini jelas menunjukkan betapa Islam sangat mementingkan pemilihan pasangan, bukan sekadar memandang harta kekayaan, bukan sekadar mengambil kira keturunan yang mulia dan bukan juga sekadar melihat rupa paras yang cantik, tetapi sebenarnya pilihan yang terbaik ialah mereka yang mempunyai asas agama. Ini kerana kita semua maklum bahawa harta, keturunan dan paras rupa hanya bersifat sementara, tetapi agamalah yang kekal abadi. Agama akan membentuk akidah yang sahih, ibadah yang betul lagi berterusan dan akhlak yang sempurna. Akidah, ibadah dan akhlak merupakan asas penting kerana gabungan inilah yang akan membentuk seorang hamba yang istiqamah dalam mentaati Allah Subhanahuwataala dan Rasul-Nya Sallallahu alaihi wasallam justeru, melahirkan

pasangan suami isteri yang sentiasa bekerjasama dalam kehidupan berumah tangga serta saling memerlukan. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 187:

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسُ لَهُنَّ ...
(QS al-Baqarah (2):187)

Maksudnya: "...isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka..." . **(QS al-Baqarah (2):187)**

Perumpamaan ini adalah contoh yang paling sesuai dalam menggambarkan betapa akrabnya hubungan dalam sebuah rumah tangga. Cacat pakaian tersebut maka cacatlah pandangan kepada si pemakainya. Malah pakaian juga akan menambah keyakinan diri pemakainya. Apabila suami isteri saling memahami pasangan masing-masing, sudah tentulah tiada siapa yang sanggup menyakiti antara satu sama lain.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Antara perkara yang perlu kita ambil perhatian ialah perlunya setiap ahli keluarga, khususnya pihak wali perkahwinan memastikan agar pasangan yang dipilih oleh anak-anak yang ingin mendirikan rumah tangga mempunyai ilmu sekurang-kurangnya ilmu *fardhu 'ain*. Ini kerana jika gagal melunaskan tuntutan kewajipan *fardhu 'ain* ini, suami pasti gagal menjadi suami yang soleh dan isteri akan gagal menjadi isteri yang solehah. Perlu juga disedari bahawa tujuan perkahwinan adalah untuk merapatkan hubungan persaudaraan. Kegagalan perkahwinan boleh membawa kegoncangan ikatan persaudaraan dalam kalangan kita, kerana konflik rumah tangga biasanya membawa luka dan parut yang berpanjangan.

Keluarga bahagia bermakna keluarga yang mengikut lunas-lunas agama. Keluarga yang bahagia adalah gambaran sebenar ajaran Islam yang menyusun cara atau sistem kehidupan. Oleh yang demikian, marilah kita menjadikan agama sebagai asas dalam membuat pertimbangan untuk memilih pasangan hidup. Sabda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat al-Tirmizi yang bermaksud:

"Apabila datang kepada kamu orang yang kamu redhai agama dan akhlaknya, maka hendaklah kamu mengahwinkannya, jika kamu tidak melakukannya nescaya akan berlaku fitnah dan kerosakan yang besar di muka bumi".

(HR al-Tirmizi)

KAUM MUSLIMIN YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

Kesimpulannya, pemilihan pasangan hidup tidak boleh dipandang ringan. Islam sangat menekankan isu ini disebabkan kesannya dalam kehidupan bermasyarakat dan keharmonian negara, adalah amat besar. Ini kerana, apabila berlaku pergaduhan atau perceraian antara suami isteri, ia boleh mengakibatkan nasib anak-anak terumbang ambing. Tanggungjawab membentuk keluarga yang bahagia dan melahirkan generasi cemerlang amatlah berat. Justeru, keteguhan pegangan agama suami isteri perlu dipertingkatkan agar kita lebih bersedia menghadapi ujian dan cabaran. Firman Allah Subhanahuwataala dalam surah al-Nur ayat 32 :

وَأَنِّكُحُوا الْأَيْمَى مِنْكُمْ وَالصَّلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءً
يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: "Dan nikahkanlah orang-orang yang masih membuang antara kamu, dan juga orang-orang yang layak (menikah) dari hamba-hamba sahayamu yang laki-laki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kemampuan kepada mereka dengan kurniaan-Nya. Dan Allah Maha luas (pemberian-Nya), lagi Maha Mengetahui."

(QS al-Nur (24):32)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتٍ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَابِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ.

تیک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا تَعَالَى إِنَّمَّا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضُ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ.اللَّهُمَّ أَنْرِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوِهِ دُولِي يَعِ شِمَاهِ مُولِياً سُرِيْ قُدوَّكْ بِكَيِنِدا يَعِ دُقْرِتوَانِ اكْنُوَغْ وَفَخَامَةِ
الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تُوانِ يَعِ تِراوِتَامِ يَعِ دُقْرِتوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةُ
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً ، إِنَّكَ رَءُوفُ رَّحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْ كُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS
Tel: 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com